Permohonan Pertukaran Pelan B1/B2 dan Borang SK/SE

Maklumat Am
Permohonan pertukaran / cetakan semula pelan dari Pelan B1 ke B1e dan pelan B2 ke B2e (hakmilik tanah) dan dari Borang SK ke Borang SE (hakmilik strata) merujuk kepada status hakmilik e-Tanah terkini.

Senarai Dokumen

Bil.	Maklumat/ Dokumen
1.	Surat permohonan pemilik tanah/ surat kebenaran (wakil firma/ wakil syarikat/ wakil individu)
2.	Salinan Hakmilik & Pelan Asal
3.	Salinan Mykad pemilik/sijil kematian @ Carian SSM syarikat.
4.	Cukai Tanah / Cukai Petak semasa yang telah dijelaskan
5.	Jika pemilik telah meninggal dunia • Salinan Mykad Waris *(seperti dalam perintah)* • Perintah pusaka (pusaka kecil/ mahkamah)
6.	Nota: 1. Semua dokumen salinan hendaklah diakui sah oleh peguam/setiausaha syarikat (bagi permohonan wakil firma/ Syarikat sahaja) 2. Sila bawa bersama surat kebenaran dan cop firma/syarikat semasa pungutan dokumen, dan salinan Mykad pemungut

Fi Bayaran
TIADA

Tempoh Siap
7 hari bekerja (hakmilik tanah)
7 hari (hakmilik strata),
2 bulan pelan PA(B) Strata